




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

8 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 705 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 204,193 kes. Sebanyak 12 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Keningau dan Pitas manakala Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Kudat, Kinabatangan, Kunak, Semporna dan Tuaran masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 930 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 190,172 orang. Manakala 2,475 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,028 orang di hospital, 1,433 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, sembilan (9) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lima (5) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 141 orang merangkumi 123 di ICU/repurposed kritikal care serta 18 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 48 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 228 (59.84%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sekali lagi trend 'yo-yo' berlaku dalam kes harian negeri Sabah, 'sekejap naik sekejap turun'. Hari ini kes keseluruhan di Sabah menurun secara signifikan kepada 705 (-115) kes berbanding (820) kes semalam.
- b. Seperti yang dinyatakan semalam, faktor turun naik ini banyak dipengaruhi oleh sikap dan tahap pematuhan masyarakat kepada SOP. Kes-kes yang lambat didaftar selepas keputusan diketahui juga sedikit sebanyak menyumbang kepada kedudukan jumlah kes harian.
- c. Sebanyak 16 daerah mencatatkan penurunan, 10 daerah mencatatkan peningkatan dan (satu) 1 daerah kekal dengan catatan sebagaimana semalam.
- d. Trend catatan kes juga menunjukkan bahawa tidak ada daerah yang merekodkan kes melebihi tiga (3) angka pada hari ini.
- e. Selain itu, kawasan bandar-bandar utama di Negeri Sabah juga mencatatkan penurunan berbanding semalam kecuali daerah Tawau yang mencatatkan margin peningkatan (+10) kes.
- f. Hanya dua (2) daerah di Negeri Sabah yang mencatatkan peningkatan ketara iaitu pada paras melebihi dua (2) angka iaitu Kota Marudu (+16) kes dan Tawau (+10) kes.
- g. Sungguhpun Sabah merekodkan penurunan kes pada hari ini, trend perubahan angka bagi setiap daerah adalah tidak statik, namun analisis berdasarkan graf untuk kumulatif 30 hari, Sabah menunjukkan trend pelandaian.
- h. Daripada jumlah kes jangkitan yang direkodkan hari ini, 90.92% daripadanya adalah pesakit dalam Kategori 1 (104 kes) dan Kategori 2 (537 kes); Kategori 3 (4 kes), Kategori 4 (6 kes) & Kategori 5 (3 kes).

i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (410) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	3	0.43%
2	Bergejala	233	33.05%
3	Kontak	410	58.16%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain	59	8.37%
JUMLAH		705	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (07 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 07/10/2021	Catatan Kes 08/10/2021	Perbandingan
1	Kota Marudu	43	59	+16
2	Tawau	22	32	+10
3	Ranau	38	45	+7
4	Beluran	10	17	+7
5	Beaufort	15	19	+4
6	Kalabakan	2	5	+3
7	Kota Belud	80	82	+2
8	Telupid	16	18	+2
9	Tongod	11	13	+2
10	Sipitang	15	16	+1
11	Semporna	10	10	Mendatar
12	Papar	47	27	-20
13	Kudat	31	12	-19
14	Kota Kinabalu	103	84	-19
15	Tuaran	48	30	-18
16	Tenom	44	30	-14
17	Sandakan	43	30	-13
18	Keningau	48	36	-12
19	Kunak	15	5	-10
20	Lahad Datu	44	35	-9
21	Pitas	33	26	-7
22	Nabawan	18	11	-7
23	Kuala Penyu	10	4	-6
24	Penampang	25	20	-5
25	Kinabatangan	18	14	-4
26	Tambunan	19	16	-3
27	Putatan	12	9	-3
JUMLAH		820	705	-115

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (24 September – 07 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	41	30	0	13	84	1,337
Kota Belud	0	53	24	0	5	82	710
Kota Marudu	0	34	19	0	6	59	763
Ranau	0	36	6	0	3	45	813
Keningau	0	23	10	0	3	36	845
Lahad Datu	0	14	17	0	4	35	873
Tawau	0	16	15	0	1	32	484
Sandakan	0	10	18	0	2	30	729
Tenom	0	23	5	0	2	30	456
Tuaran	0	17	10	0	3	30	627
Papar	0	18	7	0	2	27	473
Pitas	0	18	7	0	1	26	362
Penampang	0	12	7	0	1	20	468
Beaufort	0	7	11	0	1	19	230
Telupid	0	14	4	0	0	18	143
Beluran	0	13	3	0	1	17	214
Tambunan	0	12	4	0	0	16	172
Sipitang	0	13	3	0	0	16	201
Kinabatangan	3	6	5	0	0	14	353
Tongod	0	2	9	0	2	13	132
Kudat	0	9	2	0	1	12	340
Nabawan	0	5	3	0	3	11	272
Semporna	0	1	5	0	4	10	149
Putatan	0	5	4	0	0	9	285
Kunak	0	2	3	0	0	5	146
Kalabakan	0	2	2	0	1	5	61
Kuala Penyu	0	4	0	0	0	4	67
JUMLAH	3	410	233	0	59	705	11,705

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Sungai Bendera	3
JUMLAH		3

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,763 unit

- Hospital 1,953 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,110 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 36.6%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 8 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	696
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	4
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
Jumlah	705

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Kelantan	2
Jumlah	2

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Australia	1
Arab Saudi	1
United Kingdom	2
Jumlah	4

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	672
Bukan Malaysia	33
Jumlah	705

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	153
Belum Menerima Vaksin	148
Menerima 1 Dos	46
Lengkap 2 Dos	358
Jumlah	705

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	8
1 to 5	61
6 to 11	84
12 to 17	53
18 to 25	82
26 to 59	332
>60	85
Jumlah	705

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 08 Oktober 2021)
1	Ranau	3
2	Keningau	1
3	Tambunan	1
4	Telupid	1
JUMLAH		6

D PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh PKPD Ditamatkan
1.	Dua (2) lokaliti di Ranau <ul style="list-style-type: none">Kampung TinongianKampung Karagasan	26 September 2021	Ditamatkan pada 9 Oktober 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Base Camp Bornion Timber Sdn Bhd, Batu 46, Tulid, Sook, Keningau	26 September 2021	Ditamatkan pada 9 Oktober 2021 seperti yang dijadualkan

E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 07 Oktober 2021 adalah seramai 28,582 orang. Daripada jumlah ini, seramai 13,139 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 15,443 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 07 Oktober 2021 adalah seramai 2,358,896 orang. Ini meliputi 2,069,032 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.0% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,899,318 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,884,668 orang atau 68.3% adalah penduduk dewasa.

- 3 Seramai 289,864 orang atau 68.0% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 14,650 atau 3.0% orang setakat ini.

F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **641,718** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 37 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 16,124 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, sembilan (9) buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 14 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Tujuh (7) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Lima (5) Orang : Tidak Mematuhi arahan Kawalan Pergerakan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 94 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 947 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak sembilan (9) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu tujuh (7) di Penampang dan dua (2) Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.

ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 488 premis perniagaan dan 672 individu di 18 kawasan. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Lim Salon, Indah Permai (1 Orang), Kimkatz Petshop, Indah Permai (1 Orang), Coto Makasar, Indah Permai (1 Orang), Cakeybaket, Indah Permai (1 Orang), Bbilion Hair Saloon, Indah Permai (1 Orang), Restoran New Mui Hiong, Indah Permai (1 Orang), FH Auto Spare Parts, Indah Permai (1 Orang) dan Pasar Besar Kota Kinabalu (1 Orang). Kesalahan individu tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di Ho Ciak Kopitiam (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 327 Premis Perniagaan melibatkan 172 anggota APM. Sejumlah 13 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 21 premis, melibatkan 12 buah BBP pada hari ini.

8 Sejumlah 128 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 134 hebahan di seluruh Sabah.

H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Marudu	98%
2	Lahad Datu	98%
3	Sipitang	98%
4	Beaufort	98%
5	Sandakan	98%
6	Tawau	97.5%
7	Ranau	97.5%
8	Kunak	97.5%
9	Semporna	97.5%
10	Kinabatangan	97.5%
11	Beluran	97.5%
12	Tenom	97%
13	Keningau	97%
14	Kota Belud	97%
15	Penampang	97%
16	Kota Kinabalu	97%
17	Tuaran	97%
18	Kudat	96.5%
19	Papar	96.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II